

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004**

September/Oktober 2003

RPK 533 – Kaedah Dan Teknik Penyelidikan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan **BAHAGIAN A** adalah **Wajib**. Pilih **DUA** lagi soalan daripada **BAHAGIAN B**

BAHAGIAN A (Wajib)

1. Anda ditugaskan untuk menjalankan penyelidikan terhadap sebuah petempatan golongan berpendapatan rendah yang bertujuan untuk memperkemaskan pembekalan perkhidmatan bandar oleh pihak berkuasa tempatan. Berpandukan kepada perkara-perkara berikut, jelaskan proses penyelidikan yang perlu dilaksanakan:

(a)	Jumlah Penduduk Kajian	5000 orang
(b)	Tempoh Kajian	1 tahun
(c)	Jumlah Unit Kediaman	1000 unit
(d)	Jumlah Unit Bukan Kediaman	100 unit

(25 markah)

2. Penyelidikan melibatkan set item berikut:

- (a) Kaedah Sains dan Pengamatan
- (b) Konsep dan Pembolehubah
- (c) Teori dan Penyelidikan
- (d) Deduksi dan Induksi

Anda dikehendaki menghuraikan perkaitan antara set item yang disenaraikan di atas dan membincangkan kepentingan setiap satu set item tersebut dalam proses penyelidikan.

(25 markah)

BAHAGIAN B (Pilih DUA)

3. (a) Terangkan konsep-konsep penyelidikan berikut:
- i. Boleh dipercayai tetapi tidak sah (*reliable but not valid*)
 - ii. Sah tetapi tidak boleh dipercayai (*valid but not reliable*)
 - iii. Kepalsuan Soalselidik (*artificiality*)
 - iv. Pengoperasian (*operationalisation*).
- (b) Borang soalselidik biasanya digunakan untuk mengukur beberapa perkara dalam penyelidikan. Jelaskan.
- (25 markah)
4. Berasaskan konsep **imej bandar**,
- (a) Nyatakan takrif konsep tersebut.
- (b) Bincangkan takrifan yang dapat membantu anda mengoperasikan penyelidikan tentang imej bandar:
- i. Tentukan dimensi-dimensi imej bandar.
 - ii. Sediakan petunjuk-petunjuk untuk dimensi-dimensi tersebut.
 - iii. Sediakan petunjuk-petunjuk dalam bentuk pembolehubah yang mengukur konsep tersebut.
- (25 markah)
5. (a) Dengan perkataan anda sendiri, jelaskan perbezaan di antara kaedah statistik deskriptif dan inferen.
- (b) Jelaskan teknik analisis yang sesuai digunakan bagi setiap kes berikut:
- i. menentukan pengagihan pendapatan penduduk antara kaum yang berbeza dalam sampel
 - ii. menentukan sama ada taraf pendidikan mempengaruhi jenis pekerjaan di antara lelaki dan perempuan
 - iii. menentukan sama ada keperluan rekreasi golongan kanak-kanak berbeza dengan golongan dewasa.
- (25 markah)
6. Dalam menyediakan cadangan kajian, proses memilih tajuk merupakan salah satu tahap penting. Bincangkan langkah-langkah yang anda perlu laksanakan dalam memperincikan topik penyelidikan anda. Gunakan contoh yang sesuai.
- (25 markah)
7. “Adakah penyelidikan itu satu kaedah sains?” Bincangkan kenyataan ini.
- (25 markah)